

Surat khabar: Utusan Borneo
Hari/Tarikh: 11/04/2012, Rabu
Muka surat: 8

Tajuk : Kolej Bunga Raya UNIMAS anjur kempen derma darah

Kolej Bunga Raya UNIMAS anjur kempen derma darah

Utusan Borneo 11/04/2012 m/s: 8

KOTA SAMARAHAN: Ahli Jawatankuasa Kolej Bunga Raya Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menganjurkan kempen menderma darah sempena hari terbuka kolej berkenaan pada 27 dan 28 April ini.

Program itu akan diadakan dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari pada 27 April dan dari jam 9 pagi hingga 4 petang pada keesokan harinya di Blok B, Bilik Rekreasi Kolej Bunga Raya UNIMAS.

Kempen itu dibuka kepada semua penuntut dan kakitangan UNIMAS termasuk orang awam.

Menurut kenyataan akhbar daripada pihak penganjur, hari terbuka Kolej Bunga Raya akan diadakan

dari 23 hingga 28 April 2012.

Orang ramai boleh menghubungi Lai Mei Kin (017-3193864) atau Raymond Lubun Tinsang (016-8924640) untuk keterangan lanjut.